

**Tuanku Mizan Lawat Dua Lokasi Menarik Di Antartika  
Bernama  
23 November , 2011  
Oleh Mohamad Mudanoran Mohamad Mushaari**

SCOTT BASE (ANTARTIKA), 23 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin berangkat melawat dua lokasi menarik di Antartika pada Rabu sebelum mengakhiri lawatan khas ke benua tersebut.

Baginda berkesempatan mengunjungi Pusat Penyelidikan Ikan Switzerland yang menjalankan kajian mengenai kandungan darah dan sistem anti-beku darah pelbagai jenis spesis ikan yang mendiami lautan dalam Antartika.

Di pusat tersebut, ikan Handsome menarik perhatian baginda kerana sifat dan kebolehannya "mengintai" persekitaran di luar permukaan air.

Ikan tersebut akan melonjak dan memandang ke kawasan keliling dari lubang yang ditebuk sama ada oleh manusia ataupun anjing laut bagi mendapatkan perspektif "dunia luar" selain dari dunianya, iaitu di dalam air lautan yang sejuk.

Tuanku Mizan turut merakamkan gambar secara lebih dekat ikan naga yang mempunyai susunan dan gigi yang amat tajam serta berbentuk cangkuk.

Bentuk gigi tersebut mampu memberikan cengkaman penuh apabila ia dapat menangkap mangsanya untuk menjadi makanannya.

Baginda diiringi Pengerusi Badan Bertindak Antartika Akademi Sains Malaysia (ASM) Tan Sri Salleh Mohd Nor dan Pengarah Bahagian Alam Sekitar Kementerian Perdagangan dan Luar Negara New Zealand, Caroline McDonald pada lawatan tersebut.

Rombongan baginda kemudiannya dibawa melawat Pangkalan McMurdo, sebuah fasiliti kendalian Tentera Udara Amerika yang juga menempatkan memorial Laksamana Pertama Richard Evelyn Byrd.

Fasiliti berkenaan juga dibina sebagai simbol keamanan negara serantau yang terlibat dengan penyelidikan di benua tersebut.

Baginda, yang diiringi Ketua Eksekutif Antartika New Zealand, Lou Sanson kemudian berangkat ke Lapangan Terbang Ais Pegasus untuk berlepas ke Christchurch, New Zealand melalui pesawat Tentera Udara Amerika, Hercules C130 pada pukul 11.30 pagi.

Penerbangan selama lapan jam itu dilakukan oleh Mejar Paul Bernasconi dari Tentera Udara Amerika.

Ketibaan di Lapangan Terbang Christchurch pada pukul 7.30 malam disambut oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand, Datuk Mazlan Muhammad serta pegawai-pegawai kanan Pesuruhjaya Tinggi itu.

Keberangkatan baginda dari Antartika juga disertai Lt. Jen Ted Kresge iaitu Pegawai Memerintah Pasukan Udara Ke-13, Angkatan Bersama-Pasukan Keselamatan Antartika, anggota rombongan Malaysia dan kira-kira 10 saintis serta penyelidik antarabangsa yang

telah menamatkan kajian mereka di benua Selatan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629341>